

Bakal mengundang bencana alam sekitar jika dibiarkan

Cameron Highlands semakin 'tenat'

BEGINILAH keadaan di persekitaran Ulu Bertam, Cameron Highlands yang menyaksikan kewujudan kebun-kebun sayur yang menjejaskan pemandangan kawasan tersebut.



MUKADIMAH Kira-kira tujuh bulan lalu, wartawan *Mingguan Malaysia*, **ZULKIFLEE BAKAR, MOHD.SHARIZA ABDULLAH** dan **SITI ROHAIZAH ZAINAL** pernah mendedahkan mengenai situasi di Cameron Highlands yang bukan sahaja berhadapan dengan masalah pendatang asing tanpa izin (PATI) tetapi masalah pencemaran alam sekitar akibat kegiatan penerokaan tanah tidak terkawal dan pembangunan tidak dirancang.

Baru-baru ini, sekali lagi wartawan *Mingguan Malaysia* melakukan tinjauan semula di kawasan tanah tinggi itu bagi mengetahui perkembangannya selepas pelbagai usaha dilakukan oleh kerajaan pusat bagi memulihkan Cameron Highlands berikutan kejadian tanah runtuh yang berlaku tidak berapa lama dahulu.

Ternyata hasil tinjauan mendapati, biarpun ada sedikit sebanyak perubahan dalam isu tertentu tetapi tanah tinggi tersebut sedang berhadapan dengan ancaman hakisan tanah yang serius. Segalanya berpunca daripada kurangnya penguatkuasaan bagi memastikan cerun-cerun bukit tidak ditarah sewenang-wenangnya dan setiap projek pembangunan yang hendak dijalankan memerlukan perancangan rapi. Dalam laporan khas tiga siri ini, akan didedahkan masalah yang sedang dihadapi oleh Cameron Highlands.

■ CAMERON HIGHLANDS 27 JUN

MENGUNJUNG semula kawasan tanah tinggi selepas tujuh bulan berbuat demikian menimbulkan 'rasa pilu' apabila melihat keadaannya 'yang semakin tenat'.

Walaupun kejadian tanah runtuh suatu ketika dahulu telah mengejutkan banyak pihak berhubung keadaan di sini, namun kerosakan alam sekitar di kawasan tarikan pelancong ini amat menyedihkan.

Tinjauan *Mingguan Malaysia* bermula dari Ringlet hingga ke Blue Valley pada Isnin lalu mendapati, kawasan tanah tinggi ini sedang berhadapan dengan masalah alam sekitar yang serius.

Pembangunan tidak terkawal, aktiviti pertanian yang berleluasa ditambah pula dengan kebun-kebun haram yang masih wujud secara sembunyi-sembunyi menyebabkan Cameron Highlands terus berhadapan dengan ancaman hakisan jika tiada tindakan

LAPORAN
KHAS

BAHAGIAN PERTAMA

pemulihan dilakukan.

Tanpa mahu mengecilkkan usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak berkuasa bagi memulihkan Cameron Highlands namun ia bukan berkaitan soal pemulihan semata-mata sebaliknya soal penguatkuasaan yang lebih tegas.

La memandang berdasarkan maklumat daripada satu sumber adalah jelas, tanah tinggi yang terkenal dengan iklim sejuknya sedang berhadapan ancaman alam sekitar yang memunculkan tragedi tanah runtuh lebih buruk berlaku.

Apa yang diperkatakan bukanlah andaian sebaliknya fakta berdasarkan kajian yang dijalankan oleh pelbagai pihak sebelum ini. Tinjauan yang dilakukan mendapati banyak kawasan berbukit

Pembangunan tidak terkawal, aktiviti pertanian yang berleluasa ditambah pula dengan kebun-kebun haram yang masih wujud secara sembunyi-sembunyi menyebabkan Cameron Highlands terus berhadapan dengan ancaman hakisan jika tiada tindakan pemulihan dilakukan.

mula menampakkan kesan-kesan berlakunya hakisan atau tanah runtuh.

Kadaan itu jika dibiarkan boleh

mengundang bencana alam sekitar yang amat serius kepada tanah tinggi berkenaan. Atas sebab itulah sumber tersebut menekankan betapa pentingnya, pihak berkuasa tidak sewenang-wenangnya membenarkan pembangunan untuk tujuan apa sekalipun dilakukan.

Apatah lagi, bukan sahaja tanah tinggi di sini ditarah atau diteroka atas nama pertanian sebaliknya sungai-sungai juga semakin tercemar dengan pelbagai kandungan bahan berbahaya.

Malah tinjauan juga mendapati, 'wajah' Cameron Highlands semakin buruk apabila kebun-kebun haram biarpun sudah dihentikan operasinya namun kerangka atau struktur bangsal masih kekal hingga mencacatkan pemandangan.

Oleh itu adalah wajar jika pihak berkuasa memulakan langkah segera menyelamatkan Cameron Highlands daripada bencana termasuklah memastikan penerokaan di kawasan cerun dihentikan serta-merta dan sebarang pembangunan tidak lagi dibenarkan.

Ancaman hakisan serius

CAMERON HIGHLANDS 27 Jun - Kawasan peranginan ini sedang berdepan risiko kemusnahan alam sekitar yang dahsyat akibat 'kegiatan' aktiviti penerokaan tanah dan pembangunan tidak terancang.

Satu sumber memberitahu, kegiatan pembersihan tanah di beberapa kawasan hutan dan rizab sungai bagi tujuan pertanian yang sedang berleluasa menyumbang kepada pencemaran sungai di kawasan peranginan tanah tinggi itu.

Katanya, penerokaan tidak terkawal itu menyebabkan hakisan sekali gus meningkatkan pengumpulan gelodak dan sedimen di sungai-sungai.

"Jabatan Pertanian mengesyorkan setiap aktiviti pertanian perlu dilakukan di cerun bawah 50 darjah, tetapi apa yang berlaku sebaliknya sehingga ada mencapai 50 darjah.

"Lebih tinggi darjah kecerunan, maka lebih tinggih kadar hakisan-nya," katanya kepada *Mingguan Malaysia*.

Kata sumber itu, aktiviti penerokaan tanah bagi tujuan pertanian yang turut melibatkan penggunaan racun di haramkan di negara ini memburukkan lagi situasi pencemaran sungai-sungai tersebut.

Menurutnya, terdapat 126 batang sungai di tanah tinggi ini yang mana hanya 10 daripadanya dikategorikan berada pada kelas satu dan dua iaitu bersih manakala tiga batang sungai di kelas lima (hampir mati).



TANDA-TANDA hakisan tanah semakin jelas berlaku di beberapa kawasan sekitar Cameron Highlands.

"Sepatutnya kelas lima tidak wujud di sini. Pada masa ini kuantiti air sungai yang disalurkan kepada penduduk sebagai bekalan air bersih tidak mencukupi manakala kualitinya pula tercemar," ujarnya.

Dalam pada itu, sumber itu berkata, pembangunan terlalu pesat dan tidak dirancang dengan rapi turut menyumbang kepada kemusnahan alam sekitar di tanah peranginan ini.

Sumber itu memberikan contoh pembangunan satu projek perumahan yang tidak mempunyai tempat letak kereta dan pembinaan semula sebuah bangunan terbelengkalai lebih 20 tahun tanpa merobohkan bangunan asal.

Tambahnya, pada masa ini penduduk di sini berjumlah kira-kira

30,000 orang dan boleh menampung kapasiti sehingga 50,000 orang pada satu-satu masa.

"Bagaimanapun pada waktu tertentu seperti musim cuti persekolahan, jumlah yang berada di tanah tinggi ini melebihi 50,000 orang sekali gus mengundang pelbagai masalah.

"Pada masa itu, jalan raya mengalami kesesakan, kesemua tempat penginapan habis ditempa mengakibatkan ramai yang tiada tempat menginap dan masalah ketiadaan bekalan air terutama di tempat tinggi.

"Malah air paip bertukar warna seakan-akan teh tarik. Bayangkan apa bakal berlaku kepada pusat peranginan ini jika punca masalah itu tidak ditangani segera," katanya.

RM40 juta bersih Tasik Ringlet

CAMERON HIGHLANDS 27 JUN - Tenaga Nasional Berhad (TNB) dikatakan terpaksa membelanjakan kira-kira RM40 juta bagi menjalankan kerja-kerja pembersihan di Tasik Ringlet di sini akibat aktiviti pembersihan tanah dan pertanian secara haram di kawasan hulu sungai di pusat peranginan ini.

Presiden Persatuan Kesedaran Alam Sekitar Cameron Highlands (Reach), R. Ramakrishnan (gambar) berkata, aktiviti tersebut menyebabkan berlakunya pengumpulan gelodak dan sedimen yang banyak di tasik berkenaan.

Kadaan itu, katanya, boleh menyebabkan Bertam Water Intake yang menyalurkan air dari Ringlet Reservoir ke terusan Bertam sebelum dialir ke unit penjanaan kuasa bawah tanah tersumbat sekali gus memaksa TNB memperuntukkan



TASIK Ringlet semakin tercemar akibat pembangunan dan aktiviti pertanian yang tidak terkawal di Cameron Highlands.

sejumlah wang untuk membersihkannya bagi memastikan operasi berjalan lancar.

"Sikap tamak peneroka haram hanya menyebabkan negara terpaksa menanggung semua perbelanjaan yang boleh dielakkan jika kegiatan mereka dibanteras sejak awal," katanya kepada *Mingguan Malaysia*.

Sehubungan itu, Ramakrishnan

berkata, pihak bertanggungjawab perlu meneliti dan mencari jalan menyelesaikan segera perkara tersebut supaya tidak berterusan.

"Sampai bila TNB perlu menanggung semua perbelanjaan ini kerana saya khuatir pada masa akan datang yang terbeban adalah negara disebabkan kenaikan tarif elektrik hanya semata-mata masalah di Cameron Highlands," katanya.

Apa yang berlaku?

KUALA TERLA

- » Aktiviti pertanian tidak terkawal hingga berlaku pencemaran air
- » Pembangunan tidak terkawal



PIHAK berkuasa perlu menghentikan tindakan memberi kelulusan untuk pembangunan di lereng bukit dan cerun di Cameron Highlands kerana ia boleh memberi kesan buruk kepada alam sekitar di tanah tinggi itu.

BRINCHANG

(Pelancongan, hotel)

- » Pembangunan tidak teratur
- » Sungai tercemar

TANAH RATA

(Pusat pentadbiran kerajaan)

- » Pembangunan tidak terkawal

LEMBAH BERTAM

- » Kawasan tanah tinggi terus diterokai
- » Kebun lama masih beroperasi
- » Kebun baharu dibuka
- » Penempatan PATI

RINGLET

- » Kebun haram
- » Ancaman tanah runtuh
- » Didakwa ada penempatan warga asing
- » Sungai tercemar

KAMPUNG RAJA

- » Warga asing masih berniaga
- » Sungai tercemar
- » Penerokaan kawasan tinggi
- » Kebun haram masih wujud
- » Pertanian dan pembangunan tidak terkawal

TRINGKAP

- » Kebun haram masih beroperasi
- » Penempatan pekerja asing tidak teratur
- » Pencemaran Sungai Tringkap

Ikuti **BAHAGIAN KEDUA** esok

yang akan mendedahkan masalah kebun haram dan pencemaran air di Cameron Highlands.